



24 Disember 2013
24 December 2013
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI KASTAM (PENGECUALIAN) 2013

CUSTOMS DUTIES (EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 14(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pengecualian daripada pembayaran duti kastam

2. (1) Tertakluk kepada perenggan 3, orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Bahagian I Jadual dikecualikan daripada pembayaran duti kastam ke atas barangan yang dinyatakan dalam ruang (3) tertakluk kepada syarat dalam ruang (4).

(2) Seseorang yang dinamakan dalam ruang (5) adalah tertakluk kepada syarat untuk mengemukakan suatu sijil yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Bahagian II Jadual kepada pegawai kastam yang hak.

Had pengecualian

3. Pengecualian yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diberikan sepenuhnya berkenaan dengan barangan yang dinyatakan dalam ruang (3) Bahagian I Jadual melainkan jika dinyatakan selainnya dalam syarat dalam ruang (4) Bahagian itu.

Masa pengecualian berkuat kuasa

4. Pengecualian daripada pembayaran duti ke atas barangan itu mula berkuat kuasa—

(a) jika pengecualian itu tertakluk kepada pengemukakan sijil, pada waktu sijil itu diluluskan oleh pegawai kastam yang hak; dan

- (b) dalam hal barangan lain, apabila pegawai kastam yang hak yang kepadanya barang itu telah diikrar, membenarkan import atau eksport barang itu.

Pembatalan

5. Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 [*P.U. (A) 410/1987*] dibatalkan.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS DUTIES (EXEMPTION) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 14(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs Duties (Exemption) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2014.

Exemption from payment of customs duty

2. (1) Subject to paragraph 3, the persons specified in column (2) of Part I of the Schedule are exempted from the payment of customs duty on the goods specified in column (3) subject to the conditions in column (4).

(2) A person designated in column (5) is subject to a condition to produce a certificate signed by such designated person as described in Part II of the Schedule to the proper officer of customs.

Extent of exemption

3. The exemption referred to in paragraph 2 shall be granted in full in respect of the goods specified in column (3) of Part I of the Schedule unless otherwise specified in the conditions in column (4) of the Part.

Time when exemption operates

4. The exemption from payment of duty on goods will take effect—

(a) where the exemption is subject to the production of a certificate, at the time the certificate is approved by the proper officer of customs; and

- (b) in the case of other goods, where the proper officer of customs to whom the goods have been declared, permits the import or export of such goods.

Revocation

5. The Customs Duties (Exemption) Order 1988 [*P.U. (A) 410/1987*] is revoked.